

**[DEVELOPING THE INTERNALIZATION OF LECTURER PROFESSIONALISM IN
THE CONTEXT OF ISLAMIC CIVILIZATIONAL VALUES]**

**PEMBENTUKAN PENGHAYATAN PROFESIONALISME PENSYARAH KE ARAH
MENDEPANI NILAI PERADABAN ISLAM**

NABILAH SAHIRA BINTI MOHD ZURAINI
ZURAI DAH JULIANA BINTI MOHAMAD YUSOFF
NORHASHIMAH BINTI YAHYA
WAN MARFAZILA BINTI WAN MAHMUD
SITI HAJAR BINTI MOHAMAD YUSOFF

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

Email: zuraidahjuliana@unisza.edu.my

Received: 4th May 2025

Accepted: 18th May 2025

Published: 1st June 2025

ABSTRACT

This article discusses the development of lecturers' professional ethos within the context of Islamic civilisational values, which play a crucial role in fostering an academic culture grounded in faith (iman), Islam, and humanity (insan). This study adopts a qualitative approach through inductive and thematic content analysis to identify the core dimensions of lecturer professionalism based on five Islamic civilisational values: divinity (ketuhanan), comprehensiveness (menyeluruh), value balance (keseimbangan nilai), value elevation (ketinggian nilai), and Islamic identity (identiti Islam). The analysis reveals that lecturer professionalism founded upon these values has the potential to produce educators who excel not only academically but also demonstrate high ethical standards, integrity, and serve as exemplary individuals of civilisation. The internalisation of professionalism anchored in Islamic values not only enhances the quality of teaching and research but also directly contributes to the development of the ummah and national civilisation. This study recommends that the empowerment of Islamic civilisational values be established as a foundational framework in lecturer training and professional development in institutions of higher learning.

Keywords: *Lecturer Professionalism, Islamic Civilisational Values, Flexible Education With Soul (Flexs), Academic Integrity, Ummah Development*

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan pembentukan penghayatan profesionalisme pensyarah dalam konteks nilai peradaban Islam yang berperanan penting dalam membina budaya akademik berasaskan iman, islam dan insan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan secara induktif dan tematik untuk mengenal pasti dimensi utama profesionalisme pensyarah berteraskan lima nilai peradaban Islam, iaitu ketuhanan, menyeluruh, keseimbangan nilai, ketinggian nilai dan identiti Islam. Hasil analisis mendapati bahawa profesionalisme pensyarah yang dibina atas dasar nilai ini mampu melahirkan pensyarah yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi juga beretika tinggi, berintegriti dan menjadi model insan berperadaban. Penghayatan profesionalisme yang berpaksikan nilai Islam ini bukan sahaja memperkukuh kualiti pengajaran dan penyelidikan, malah menyumbang secara langsung kepada pembangunan ummah dan tamadun negara. Kajian ini mencadangkan agar pemerkasaan nilai peradaban Islam dijadikan kerangka asas dalam latihan dan pembangunan profesional pensyarah di institusi pengajian tinggi.

Kata kunci: Profesionalisme Pensyarah, Nilai Peradaban Islam, Flexible Education With Soul (FlexS), Integriti Akademik, Pembangunan Ummah

PENGENALAN

Pendidikan merupakan asas penting dalam pembinaan tamadun manusia yang menuntut keselarian antara aspek intelek, emosi, rohani dan sosial. Keagungan sesebuah peradaban bergantung kepada kejayaan melahirkan generasi yang rasional, berwawasan dan bijaksana dalam menghadapi pelbagai cabaran yang semakin kompleks. Arus pemodenan memangkin negara untuk bersedia menjadikan hub pendidikan bukan sahaja berfokus kepada kepentingan kognitif dan teknikal namun turut mengimplementasikan nilai kerohanian serta etika kemanusiaan (Muthi'ah Lathifah & Yakobus Ndona, 2024). Pendekatan ini selaras dengan prinsip peradaban islam yang menekankan kepada pengetahuan dan tindakan hendaklah didasari dengan keluhuran ajaran islam. Penyataan ini disokong oleh Suhendri & Rohendi (2024) menjelaskan peradaban Islam menyokong kepada pendidikan bersifat inklusif dengan meletakkan matlamat utama untuk melahirkan individu yang berperanan sebagai khalifah Allah SWT. Pelaksanaan ini merangkumi seluruh lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang (*education for all*) dan berteraskan konsep pendidikan sepanjang hayat (*lifelong education*). Selaras dengan epistemologi Islam, pendidikan berteraskan peradaban islam menolak sebarang bentuk pemisahan antara ilmu agama dan ilmu duniawi, sebaliknya mengiktiraf kesepaduan kedua-duanya dalam pembentukan insan seimbang.

Oleh yang demikian, satu harapan tinggi diletakkan kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk menghasilkan generasi muda yang bukan sahaja lengkap dengan kecemerlangan akademik akan tetapi juga mempunyai keperibadian unggul yang mencerminkan integriti, adab dan sentiasa berpegang teguh kepada Al Quran dan As Sunnah. Justeru, bagi memastikan matlamat ini menunjukkan keberhasilan, pensyarah merupakan individu berpengaruh dalam memupuk jati diri dan corak pemikiran pelajar. Kerajaan telah membangunkan kepelbagaian strategi dalam memastikan kepakaran dan kepimpinan pensyarah sentiasa relevan khususnya melibatkan aspek profesionalisme. Langkah ini meliputi program seperti Latihan Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) dan Academic Staff Training Scheme (ASTS) yang menyasarkan kemahiran pedagogi berteraskan *blended learning*, kepimpinan serta penyelidikan. Usaha ini turut diterjemahkan melalui sistem MyRA (Malaysia Research Assessment) & MyAPT (Malaysia Professional Academia Transformation) bagi menilai setiap pencapaian dan output pensyarah. Ini bagi memastikan pensyarah mampu menjadi agen penggerak kepada pembaguan ilmu masyarakat dan negara (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015–2025 (PPPM-PT)).

Namun begitu, Parveen, Mascarenhas & Vaswani (2021) membahaskan berlakunya isu tumpangan nama pensyarah dalam penyelidikan atau penulisan yang sepenuhnya dilakukan oleh pelajar. Kepincangan ini berpunca dari desakan pensyarah dalam mengejar merit sebagai syarat utama dalam kenaikan pangkat dan penetapan kedudukan. Pada masa yang sama, ukuran kecemerlangan universiti berdasarkan sistem *ranking* menyebabkan tekanan kepada pensyarah bagi memenuhi keperluan universiti dalam penerbitan. Penyataan ini selari dengan kajian Syed Ismail dan Lee Leh Hong (2022) mendapati atas dasar mengejar *Key Performance Indicator* (KPI) tahunan, sebahagian pensyarah sanggup mengambil jalan pintas dengan meletakkan nama mereka pada hasil penyelidikan pelajar. Maka timbul persoalan penting “Di manakah letaknya amanah dan keikhlasan dalam penerbitan ilmiah apabila tujuannya lebih berpaksakan kepada memenuhi KPI dan mengejar pangkat semata-mata?”. Jelas menunjukkan tindakan

seperti ini bukan sahaja mengabaikan prinsip keadilan pelajar akan tetapi turut mencemarkan integriti dan etika keprofesionalan yang menjadi nilai asas kepada peradaban islam.

Seterusnya, pensyarah bertanggungjawab dalam melaksanakan tujuh skop tugas utama dikenali sebagai 7P merangkumi pengajaran dan pembelajaran, penerbitan, penyeliaan, penyelidikan, perundingan, penulisan dan juga perkhidmatan sosial. Tuntutan ini menyebabkan realiti pensyarah sebagai penyampai silibus kurikulum serta pembentukan sahsiah holistik pelajar kini tersepit dengan bebanan kerja yang tinggi dan tidak berkesudahan (Khairunesa, Wan Hanim Nadrah, Laily Paim, Khadijah, Jaliyah & Nor Aisah, 2021). Kesan daripada gaya pengurusan moden bersistamkan output menyebabkan pensyarah secara langsung dan tidak langsung menguruskan hal pentadbiran (Syed Ismail & Lee Leh Hong, 2022). Tekanan daripada tuntutan birokrasi menyebabkan gangguan kepada pensyarah untuk meluang masa dalam merancang kaedah pengajaran yang bermakna. Pernyataan ini disokong oleh Jamsari Alias, Mohamad Mohsin dan Syaidatun Nazirah (2024) menyatakan terdapat rungutan mengenai ketidaksediaan pensyarah untuk membina pengalaman pembelajaran yang kreatif. Sekaligus memaparkan kelompongan dalam penghayatan nilai peradaban Islam yang menekankan keindahan ilmu, dan kesungguhan dalam mendidik.

Sehubungan itu, kajian ini menumpukan perhatian terhadap usaha pembentukan dan penghayatan profesionalisme pensyarah berpaksikan kepada nilai peradaban Islam. Pendekatan ini bertujuan untuk memperkukuh keupayaan pensyarah dalam mendepani cabaran pendidikan semasa dengan berteraskan nilai yang holistik dan lestari. Fokus utama diberikan kepada bagaimana nilai peradaban Islam dapat diinstitusikan dalam kerangka profesionalisme agar pensyarah dapat menyumbang secara efektif dalam membina tamadun ilmu yang berteraskan nilai, etika dan spiritualiti.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan sebagai kaedah utama untuk meneliti dokumen, wacana dan literatur berkaitan profesionalisme pensyarah dalam kerangka nilai peradaban Islam. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik mengenal pasti tema utama, pola pemikiran dan nilai yang mendasari teks secara sistematik dan mendalam. Data dianalisis menggunakan pendekatan induktif, iaitu dengan membuat pemerhatian terperinci terhadap kandungan umum sebelum merumuskan kategori dan tema yang lebih khusus (Braun & Clarke, 2006). Pendekatan ini relevan kerana ia menyoroti makna tersirat yang muncul dari teks tanpa memaksakan sebarang andaian awal. Seterusnya, analisis tematik digunakan bagi mengorganisasi data ke dalam beberapa tema utama berdasarkan lima nilai peradaban Islam iaitu ketuhanan atau *rabbaniyyah*, menyeluruh atau *syumūliyyah*, keseimbangan atau *wasatiyyah*, ketinggian nilai atau *uluwwiyyah* dan identiti Islam atau *islamiyyah*. Proses ini dilakukan secara berperingkat dengan mengenal pasti unit makna, mengkategorikan data mengikut kod terbuka dan seterusnya membina tema akhir yang mencerminkan dimensi profesionalisme pensyarah menurut kerangka peradaban Islam. Dengan gabungan analisis induktif dan tematik ini, penyelidik berupaya membina kefahaman yang holistik dan mendalam mengenai bagaimana nilai islamik boleh diinstitusikan dalam amalan profesionalisme pensyarah secara menyeluruh.

Nilai Peradaban Islam

Peradaban (*Civilization*) merujuk kepada tahap perkembangan masyarakat manusia yang kompleks, ditandai oleh kemajuan dalam aspek sosial, politik, ekonomi, budaya, dan teknologi,

serta kewujudan sistem nilai dan struktur organisasi yang tersusun (Huntington, 1993). Selain itu, peradaban dipetik daripada perkataan Arab iaitu *hadarah*, yang membawa maksud kehidupan yang berbudaya dan maju serta mencerminkan tahap kematangan sesebuah masyarakat dalam pelbagai dimensi (Farooqui, 2011). Peradaban bukan sekadar kemajuan fizikal tetapi turut meliputi nilai, akhlak dan sistem hidup teratur berasaskan prinsip yang membimbing masyarakat. Secara umum, peradaban sering dikaitkan dengan pembangunan material dan pencapaian teknologi yang dapat dilihat dalam tamadun besar dunia dengan menonjolkan perbezaan budaya dan konflik (Huntington, 1993). Namun begitu, sejarah menunjukkan bahawa peradaban yang tidak diasaskan pada nilai moral dan spiritual yang kukuh akhirnya akan runtuh akibat kelemahan dalaman seperti keruntuhan akhlak dan kezaliman (Murat Önde & Fatih Ulaşan, 2018). Oleh itu, peradaban yang kukuh bukan sahaja membangunkan kemajuan fizikal tetapi juga mengekalkan keteguhan kerohanian dan kecerdasan intelektual untuk membentuk insan berakhlak mulia dan berwawasan.

Dalam kerangka Islam, peradaban dibina di atas asas tauhid yang menjadi paksi utama kehidupan manusia dan pengurusan masyarakat (Farooqui, 2012). Ajaran Islam melalui al-Quran dan As Sunnah membentuk sistem peradaban yang menyeluruh mencakupi hubungan manusia dengan Allah SWT, sesama manusia, dan alam sekitar (Al-Attas, 1993). Tambahan pula, peradaban Islam ialah suatu keadaan kehidupan insan yang telah mencapai pembangunan rohani dan jasmani, berasaskan ilmu, akhlak dan adab yang berpandukan wahyu Allah SWT. Peradaban ini bukan sahaja mengangkat ilmu sebagai alat pembangunan tetapi juga sebagai amanah yang perlu dipandu oleh nilai Ilahi dalam membentuk masyarakat yang adil, berakhlak, dan sejahtera. Sementara itu, Syed Hossein Nasr (2003) melihat peradaban Islam sebagai satu perwujudan kehidupan manusia yang berasaskan wahyu khususnya al-Qur'an dan sunnah Nabi Muhammad SAW, yang mencerminkan insan Islam dan iman. Artikel ini menggunakan konsep nilai peradaban Islam daripada Prof Dr. Kamarul Shukri Mat Teh merupakan seorang pensyarah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang turut menerangkan lima nilai utama sebagai landasan kajian.

i. KETUHANAN

Ketuhanan atau *Rabbāniyyah* membawa maksud bahawa segala bentuk pemikiran, tindakan dan pembangunan dalam peradaban mesti berakar umbi daripada hubungan yang kukuh dan langsung dengan Allah SWT sebagai sumber petunjuk dan kebenaran. Nilai ini menegaskan bahawa setiap aspek kehidupan manusia termasuk dalam pembangunan sosial, politik, ekonomi dan pendidikan, harus berlandaskan prinsip Ilahi agar tidak terjerumus ke dalam sikap sekularisme atau materialisme yang mengabaikan dimensi spiritual. Dengan menempatkan nilai ketuhanan sebagai asas, peradaban yang dibina akan memiliki kekuatan rohani yang mengawal dan membimbing setiap keputusan serta tindakan demi mencapai kesejahteraan sejagat dan keharmonian masyarakat. Dalam konteks pendidikan, *rabbāniyyah* bukan sahaja memastikan ilmu yang disampaikan merangkumi aspek intelektual dan kemahiran tetapi lebih penting lagi ia berperanan dalam membentuk jiwa yang suci, akhlak mulia serta keperibadian yang seimbang dan bertanggungjawab kepada Tuhan dan sesama manusia. Melalui pendekatan ini, pendidikan menjadi medium transformasi insan yang bukan sahaja cemerlang secara akademik tetapi juga tinggi nilai moral dan spiritualnya sekaligus melahirkan generasi yang mampu menyumbang kepada pembinaan peradaban Islam yang holistik dan berteraskan rahmat untuk semua.

ii. MENYELURUH

Menyeluruh atau *Syumūliyyah* menekankan bahawa ajaran Islam bersifat menyeluruh dan mencakupi seluruh dimensi kehidupan manusia tanpa pengecualian. Islam bukan sekadar agama yang terbatas kepada ibadah ritual semata-mata tetapi merupakan satu sistem kehidupan yang lengkap dan holistik yang merangkumi aspek rohani, intelektual, sosial, ekonomi, politik, kebudayaan dan perundangan. Konsep ini menolak perpisahan antara agama dan kehidupan duniawi (dualisme) yang merupakan ciri utama pemikiran sekular moden. Malah, menegaskan kesatuan mutlak antara nilai agama dan tindakan harian dalam semua ruang lingkup kehidupan. *Syumūliyyah* memberikan penekanan terhadap keperluan untuk menjadikan wahyu sebagai sumber utama dalam memahami dan membimbing realiti kehidupan, sekali gus menyatukan ilmu wahyu dan ilmu akal sebagai asas pembangunan tamadun. Dalam konteks pendidikan, pendekatan ini memastikan bahawa setiap kandungan kurikulum tidak hanya menitikberatkan penguasaan fakta dan kemahiran teknikal tetapi turut menyemai nilai etika, tanggungjawab sosial dan akhlak mulia. Pendidikan berteraskan *syumūliyyah* melahirkan insan seimbang yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang profesional tetapi juga memiliki kesedaran spiritual, komitmen terhadap keadilan dan kemampuan untuk memimpin masyarakat berlandaskan prinsip ketuhanan. Oleh itu, *syumūliyyah* menjadi prinsip asas dalam membina sebuah peradaban Islam yang menyeluruh, berdaya tahan dan memberi kesejahteraan kepada seluruh umat manusia.

iii. KESEIMBANGAN NILAI

Keseimbangan nilai atau *Wasatiyyah* merupakan prinsip kesederhanaan yang menuntut umat Islam mengamalkan keseimbangan dalam setiap aspek kehidupan merangkumi pegangan akidah, perlakuan, cara berfikir serta corak kehidupan seharian. Prinsip ini menolak sebarang bentuk ekstremisme atau liberalisme yang melampau yang boleh menghakis nilai murni dan merosakkan struktur masyarakat. Sebaliknya, *wasatiyyah* mendorong ke arah kewujudan masyarakat yang adil, stabil dan harmoni melalui pendekatan yang inklusif dan berpaksikan nilai ketuhanan. Dalam konteks pendidikan dan pengurusan peradaban, nilai ini memainkan peranan penting sebagai asas keseimbangan antara pembangunan rohani dan jasmani meliputi keperluan individu dan kesejahteraan masyarakat serta pencapaian akademik dan pembentukan sahsiah pelajar. Hal ini menjadikan *wasatiyyah* bukan sekadar prinsip moral tetapi juga falsafah pendidikan dan pembangunan insan yang menyeluruh, yang mampu membentuk generasi yang bukan sahaja cemerlang dari segi ilmu pengetahuan tetapi juga beretika, berakhlak dan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan ummah dan alam.

iv. KETINGGIAN NILAI

Ketinggian nilai atau *Ulūwwiyyah* atau keunggulan nilai merujuk kepada prinsip teras dalam peradaban Islam yang menjadikan Allah SWT sebagai matlamat tertinggi dalam seluruh dimensi kehidupan. Ia menuntut agar setiap tindakan, pemikiran, dasar dan pembangunan manusia berpaksikan nilai ketuhanan yang luhur, bukan sekadar mengejar keuntungan material atau kemajuan teknologi semata-mata. Prinsip ini mengangkat peranan manusia sebagai khalifah Allah SWT yang dipertanggungjawabkan untuk memakmurkan bumi dengan keadilan, hikmah dan ketakwaan. Dalam konteks pendidikan dan pembangunan peradaban, *Ulūwwiyyah* memastikan bahawa segala bentuk ilmu dan sistem yang dibina berlandaskan petunjuk wahyu, sekali gus menyatukan kecemerlangan intelek dan keutuhan spiritual. Ini menghasilkan generasi berilmu yang bukan sahaja cemerlang secara akademik, tetapi juga

unggul dari sudut akhlak, jati diri dan orientasi Rabbani sekali gus memperkukuh kelangsungan peradaban Islam yang syumul.

v. IDENTITI ISLAM

Identiti Islam atau *Islāmiyyah* menegaskan bahawa setiap aspek kehidupan mesti berlandaskan ajaran dan prinsip Islam secara menyeluruh, bukan hanya pada manifestasi luaran seperti pakaian atau ritual semata-mata, tetapi meliputi kefahaman mendalam serta penghayatan terhadap syariat dan nilai-nilai Islam yang autentik dalam seluruh dimensi kehidupan. Nilai ini mengangkat identiti Islam sebagai paksi utama dalam segala bentuk perancangan dan pelaksanaan, termasuk dalam sistem pendidikan, struktur sosial, dasar ekonomi, dan tadbir urus negara, agar ia sentiasa berpandukan kerangka maqasid syariah dan tidak terpesong oleh arus modenisasi yang merosakkan atau ideologi asing yang bertentangan. Dalam konteks pendidikan, *Islāmiyyah* menuntut agar kurikulum bukan sahaja menekankan kecemerlangan akademik dan kemahiran teknikal, tetapi turut membentuk sahsiah, adab, dan akhlak pelajar dalam acuan Islam. Dengan menjadikan *Islāmiyyah* sebagai teras peradaban, masyarakat bukan sahaja mampu membina sebuah tamadun yang progresif, tetapi juga kekal berakar pada nilai-nilai ketuhanan yang menjamin keadilan, keharmonian dan kelestarian diri umat Islam dalam dunia global yang mencabar.

FLEXS SEBAGAI MEDIUM PEMBINAAN PROFESIONALISME

Flexible Education With Soul (FlexS) merupakan sebuah model pendidikan inovatif yang dibangunkan oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan berobjektifkan kepada menggabungkan ilmu dan iman berteraskan ta'lim dan tarbiyyah. Model ini berasaskan Surah al-'Alaq (1-5) merujuk kepada wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW yang menyeru manusia untuk "*Iqra*" atau membaca. Surah ini menegaskan bahawa ilmu adalah anugerah dan sumber petunjuk daripada Allah SWT yang mesti dicari dengan penuh kesedaran dan rasa tanggungjawab. Ayat ini menegaskan bahawa pengetahuan bukan sekadar fakta duniawi, tetapi satu tanggungjawab rohani yang perlu dipandu oleh tauhid sebagai asas kehidupan. Dalam FlexS, penggabungan ilmu dan iman ini bertujuan membina insan holistik yang tidak hanya cemerlang dari segi akademik namun mantap dalam akhlak dan keimanan. Seterusnya, pendekatan ta'lim dalam FlexS merujuk kepada penyampaian ilmu yang berorientasikan pemahaman mendalam dan nilai spiritual, manakala tarbiyyah menumpukan kepada pembentukan sahsiah, akhlak dan jati diri pelajar secara berterusan. Dengan menyeimbangkan kedua-dua aspek ini, FlexS menyokong pembentukan individu dan komuniti yang bukan sahaja memiliki kecemerlangan intelektual dan profesional, tetapi juga kekuatan moral dan spiritual. Integrasi nilai pengetahuan dan tauhid dalam model ini menjadikan FlexS sebagai medium utama dalam membina profesionalisme berteraskan nilai Islam yang komprehensif dan relevan untuk menghadapi cabaran zaman. FlexS dibina atas empat tonggak utama yang menjadi asas kekukuhan dan keberkesanannya dalam membentuk profesionalisme holistik (UniSZA, 2017). Keempat tonggak ini meliputi:

i. AKIDAH SAHIH

Akidah sahih merupakan keyakinan teguh yang menghubungkan manusia dengan Pencipta berdasarkan kepercayaan dan pengakuan bahawa kewujudan diri sebagai hamba bergantung sepenuhnya kepada izin dan kehendak Allah SWT. Dalam konteks pendidikan berteraskan nilai kerohanian, penerapan akidah ini membentuk kesedaran bahawa setiap perbuatan dan kejadian adalah atas izin Tuhan, sekaligus menimbulkan rasa diawasi dan bertanggungjawab terhadap

amalan diri. Pendidikan yang berasaskan akidah sahih bukan hanya memberi ilmu duniawi tetapi juga mengukuhkan jiwa supaya sentiasa berserah diri, redha, dan berusaha dengan penuh harapan kepada Allah SWT. Dengan demikian, akidah sahih menjadi landasan utama dalam membentuk insan yang berintegriti, sabar, dan bersyukur sekaligus menjadikan pembelajaran satu proses yang bermakna dan selaras dengan tujuan hidup sebenar menurut perspektif ketuhanan.

ii. PEMIKIRAN SAHIH

Pemikiran sahih atau saintifik merujuk kepada keupayaan individu membina cara berfikir yang benar dan tepat yang berfungsi mempertahankan akidah sahih atau kerangka metafizik Islam dalam kehidupan seharian. Pemikiran ini bukan sekadar bersifat logik semata-mata, tetapi turut dipandu oleh nilai keimanan yang mendalam, yang akhirnya membawa kepada pertimbangan yang rasional, hikmah dalam membuat keputusan serta kebijaksanaan dalam menilai sesuatu situasi. Penerapan pemikiran seperti ini amat penting dalam membentuk tindakan yang tidak bersifat emosional, sebaliknya berdasarkan pertimbangan yang objektif dan berpaksikan kebenaran. Tambahan pula, pemikiran sahih berupaya menjelmakan kefahaman terhadap realiti dengan lebih menyeluruh dan kukuh, kerana ia bersandarkan kepada gabungan dalil naqli (wahyu) dan dalil aqli (akal) sebagai asas dalam proses penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan, sekaligus melahirkan insan yang seimbang dari sudut intelek dan spiritual.

iii. SAHSIAH MULIA

Sahsiah mulia merujuk kepada pengamalan nilai akhlak dan moral yang baik seperti kejujuran, kesabaran, kebenaran, tolak ansur dan semangat bekerjasama dalam kehidupan seharian. Nilai ini bukan sahaja mencerminkan keperibadian unggul seorang individu, malah menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang harmoni dan berperadaban. Penerapan tonggak sahsiah mulia berfungsi sebagai landasan kawalan diri yang membentuk kesedaran dalaman terhadap keperluan menjauhi sikap negatif seperti mementingkan diri, sombong dan tidak bertanggungjawab. Individu yang menghayati nilai sahsiah mulia akan terdorong untuk bertindak secara beretika, berhemah dan penuh kesantunan dalam segala tindak-tanduknya. Dalam jangka panjang, sahsiah yang mulia ini akan membentuk satu budaya hidup yang mementingkan adab, saling menghormati dan menjaga hubungan baik sesama manusia, selaras dengan tuntutan ajaran Islam dan nilai peradaban tinggi yang menjadi asas kepada tamadun yang gemilang.

iv. BUDAYA KERJA PROFESIONAL

Budaya kerja profesional membawa maksud pengamalan sikap kerja yang berasaskan kecemerlangan, komitmen yang tinggi, keikhlasan serta kesungguhan dalam melaksanakan setiap tanggungjawab yang diamanahkan. Ia mencerminkan tahap integriti dan etika kerja yang tinggi dalam kalangan individu yang bukan sahaja cekap dari segi kemahiran teknikal, malah turut memiliki nilai moral dan sahsiah terpuji dalam menjalankan tugas. Penerapan tonggak ini berperanan penting dalam membentuk jati diri yang berdisiplin, bertanggungjawab dan bersungguh-sungguh dalam menunaikan amanah kerja tanpa mengharap pujian atau balasan semata-mata. Dengan menghayati budaya kerja profesional, seseorang individu akan lebih berdaya saing, mampu menangkis pengaruh budaya kerja negatif seperti sambil lewa, tidak jujur, dan mementingkan diri sendiri. Hal ini sekaligus menyumbang ke arah pembentukan tenaga kerja yang bukan sahaja berkualiti dan efisien tetapi juga dihormati kerana

menjunjung prinsip etika, kejujuran, dan profesionalisme sejajar dengan nilai murni dalam peradaban Islam.

PROFESIONALISME PENSYARAH BERASASKAN NILAI FLEXS: TERAS KECEMERLANGAN PENDIDIKAN TINGGI

Pensyarah memikul tanggungjawab besar yang jauh lebih daripada sekadar menyampaikan ilmu kepada pelajar (Fariha Diyana, Khairul Firdaus, Norazlina Hanim, Norhayati & Wan Hazwani, 2024). Pernyataan ini menyokong Lundeto (2023) yang berpendapat pendidik berperanan membentuk generasi masa depan yang bukan sahaja cemerlang dari segi pengetahuan tetapi juga memiliki akhlak mulia dan integriti yang tinggi. Di samping itu, profesionalisme pensyarah perlu dibina atas landasan nilai yang menyeluruh dan seimbang (Nasri Abdullah, 2017). Ini bermakna mereka perlu menggabungkan aspek spiritual, intelektual dan etika dalam setiap tindakan dan keputusan. Kecemerlangan akademik sahaja tidak mencukupi untuk memenuhi tuntutan pendidikan masa kini yang lebih kompleks dan berorientasikan pembangunan insan secara menyeluruh. Pendekatan FlexS menawarkan kerangka nilai yang kukuh dalam membina profesionalisme pensyarah (UniSZA, 2017). Melalui penekanan nilai Akidah Sahih, Pemikiran Sahih, Sahsiah Mulia dan Budaya Kerja Profesional, pendekatan ini melangkaui definisi tradisional profesionalisme yang hanya fokus pada kemahiran teknikal dan pencapaian akademik. Ia menuntut pensyarah menjadi individu yang bukan sahaja mahir dalam bidang ilmu tetapi juga mempunyai kesedaran tinggi terhadap tanggungjawab moral dan sosial. Melalui pendekatan ini, pensyarah dapat memacu perubahan positif dalam pendidikan tinggi sekaligus menyumbang kepada pembinaan masyarakat dan negara yang lebih beradab dan seimbang.

i. AKIDAH SAHIH

Akidah sahih merupakan teras utama dalam pembentukan profesionalisme pensyarah yang berfungsi sebagai landasan spiritual bagi memandu keseluruhan pemikiran, tingkah laku dan etika kerja (UniSZA, 2017). Pensyarah yang berpegang kepada akidah akan memandang tugas menyampaikan ilmu bukan sebagai pekerjaan biasa tetapi sebagai suatu amanah dan bentuk ibadah yang mempunyai nilai akhirat (Mahmudul & Abdul Rashid, 2023). Pandangan ini melahirkan rasa keikhlasan, tawakal serta kesungguhan untuk menyampaikan ilmu dengan sebaiknya walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan keterbatasan. Di samping itu, akidah sahih membina kesedaran sendiri bahawa segala amal perbuatan sama ada berkaitan dengan pengajaran, penyelidikan atau pentadbiran adalah tertakluk kepada penilaian Allah. Hal ini menzahirkan ciri pensyarah yang jujur, amanah, serta berpegang kepada etika kerja yang luhur. Menurut Al-Attas (1993) menyatakan dalam menghadapi cabaran dunia akademik yang sarat dengan tekanan materialisme dan keghairahan terhadap pengiktirafan, akidah sahih tampil sebagai benteng kekuatan spiritual yang membimbing pensyarah agar kekal berpegang pada tujuan hakiki ilmu. Hal ini demikian kerana, ia memastikan pensyarah tidak terpesong daripada tujuan sebenar ilmu, iaitu mencari keredaan Allah SWT dan membawa manfaat kepada umat manusia.

ii. PEMIKIRAN SAHIH

Pemikiran sahih bukan hanya merujuk kepada kemampuan berfikir secara kritis dan logik, tetapi turut menggabungkan unsur wahyu (*naqli*) dan akal (*aqli*) dalam membina pertimbangan yang tepat dan berpandukan nilai kebenaran Islam (Al-Attas, 1993). Pensyarah yang memiliki pemikiran sahih akan mendekati isu dan cabaran akademik dengan kebijaksanaan yang

seimbang antara rasional dan spiritual. Pendidik tidak hanya bergantung pada teori atau data semata-mata, sebaliknya turut menilai kesan dan implikasi sesuatu tindakan terhadap nilai agama, kesejahteraan masyarakat dan pembangunan insan secara menyeluruh. Pendekatan holistik ini mencerminkan pandangan epistemologi Islam yang mengintegrasikan elemen wahyu dan akal dalam menilai sesuatu isu, sekali gus memastikan keputusan yang dibuat bersifat seimbang dan beretika (Farooqui, 2011; Mahmudul et al., 2023). Tambahan pula, pemikiran sahih memperkukuhkan keupayaan pensyarah untuk menghubungkan ilmu yang diajar dengan kerangka Tauhid, menjadikan proses pengajaran bukan sekadar penghantaran maklumat tetapi satu proses membina kefahaman terhadap hakikat kebenaran dan tujuan hidup.

iii. SAHSIAH MULIA

Sahsiah mulia merupakan asas penting dalam pembentukan profesionalisme pensyarah kerana ia mencerminkan kekuatan akhlak dan integriti diri dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik. Pensyarah yang memiliki sahsiah terpuji bukan sahaja menyampaikan ilmu secara berkesan, tetapi juga menjadi contoh teladan kepada pelajar dan masyarakat (Nur Shahidah, Mohamad Marzuqi & Mohd Syaubari, 2025). Pensyarah perlu menzahirkan nilai utama yang berakar pada akhlak mulia Nabi Muhammad SAW dan dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan dan pendidikan. Selain itu, pensyarah yang bersahsiah tinggi tidak akan memanipulasi kedudukan untuk kepentingan peribadi, sebaliknya sentiasa menjunjung prinsip amanah dan tanggungjawab (Nasri Abdullah, 2017). Justeru itu, sahsiah mulia ditunjukkan melalui ketelusan dalam menilai pelajar, integriti dalam penulisan ilmiah dan komitmen terhadap penyampaian ilmu yang benar dan bermanfaat. Manakala dalam bidang pentadbiran, Fariha Diyana et al., (2024) menjelaskan pensyarah yang bersahsiah tinggi akan membuat keputusan secara adil, berakuntabiliti serta tidak dipengaruhi oleh kepentingan peribadi. Keperibadian seperti ini bukan sahaja menjamin kelangsungan budaya kerja beretika tetapi turut membentuk persekitaran akademik yang kondusif, harmoni dan berteraskan adab.

iv. BUDAYA KERJA PROFESIONAL

Budaya kerja profesional mencerminkan nilai dalaman yang terbentuk melalui kekuatan akidah, ketajaman pemikiran, dan kemuliaan sahsiah. Ia merangkumi etika kerja Islam seperti bekerja dengan teliti, melaksanakan tugas dengan penuh amanah, menghindari sikap sambil lewa, serta sentiasa berusaha memperbaiki kualiti kerja (Deni Gustiawan & Shifa Azzahra, 2024). Pensyarah yang mengamalkan budaya kerja profesional akan menunjukkan komitmen tinggi terhadap tanggungjawabnya dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan khidmat masyarakat, tanpa bergantung kepada pemantauan luaran atau motivasi bersifat material. Selain itu, Darling Hammond, Hyler & Gardner (2017) menekankan budaya kerja profesional menjadikan seseorang pendidik itu lebih sistematik dan cekap dalam perancangan serta pelaksanaan tugas harian, termasuk penyediaan bahan pengajaran, bimbingan pelajar, penyeliaan penyelidikan dan tugas pentadbiran. Ia juga menuntut sikap terbuka terhadap penilaian prestasi dan maklum balas, serta kesediaan untuk melakukan refleksi sendiri dalam usaha berterusan untuk mencapai kecemerlangan. Budaya kerja profesional yang dipandu oleh nilai-nilai Islam akan menjauhkan pensyarah daripada budaya negatif seperti kronisme, penindasan akademik, dan kebergantungan kepada pengaruh luar yang mencemari integriti akademik (Deni Gustiawan et al., 2024).

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Profesionalisme pensyarah melibatkan kemahiran dan kecekapan dalam pengajaran serta penyelidikan dan turut mencakup aspek nilai dan akhlak yang berasaskan peradaban Islam (Fariha Diyana et al., 2024). Dalam konteks ini, penghayatan iman, Islam dan ihsan menjadi asas penting bagi membimbing pensyarah untuk menjalankan tanggungjawab mereka dengan penuh integriti serta memupuk keikhlasan (Kamal Hassan, 2010). Ketiga nilai ini saling melengkapi dalam membentuk profesionalisme yang bukan hanya fokus kepada pencapaian akademik tetapi juga pembangunan sahsiah dan kerohanian yang tinggi selari dengan prinsip peradaban Islam. Perbincangan dalam artikel ini menumpukan kepada elemen yang menyumbang kepada penghayatan profesionalisme pensyarah dalam kerangka nilai peradaban Islam. Melalui analisis kandungan, fokus diberikan kepada integrasi nilai profesionalisme berasaskan FlexS bersama nilai peradaban Islam yang menjadi asas kepada pembentukan pensyarah yang holistik.

i. INTEGRASI AKIDAH SAHIIH DENGAN NILAI KETUHANAN, IDENTITI ISLAM DAN MENYELURUH

Akidah sahih merupakan asas kukuh dalam pembentukan profesionalisme pensyarah berteraskan Islam. Ia bukan sahaja melibatkan keyakinan kepada Allah SWT dan kebenaran wahyu-Nya, tetapi juga menuntut internalisasi iman dalam setiap aspek pengajaran dan pembelajaran. Dalam hal ini, akidah sahih menekankan pembentukan profesionalisme pensyarah yang berasaskan ketauhidan sehingga mencapai ihsan yang mengintegrasikan antara dimensi spiritual, intelektual dan amal secara seimbang dalam kehidupan seharian. Tauhid bukan sekadar akidah kepercayaan, tetapi satu kekuatan psikospiritual yang mencorakkan cara individu berfikir, bertindak dan berinteraksi. Oleh itu, penghayatan akidah oleh pensyarah perlu dilihat dalam konteks kesepaduan nilai *rabbaniyyah* (ketuhanan), *islāmiyyah* (identiti Islam), dan *syumūliyyah* (keseluruhan hidup). Hal ini akan memandu kefahaman bahawa Ilmu adalah amanah Allah SWT yang menjadikan semuanya adalah suatu ibadah yang dipandu oleh nilai ihsan, yakni pelaksanaan tugas dengan kesungguhan dan keikhlasan demi meraih keredaan Allah SWT dan menyumbang kesejahteraan dan peradaban ummah (Habibah Ramle, 2017). Nilai *Rabbāniyyah* menuntut bahawa setiap bentuk ilmu yang dipindahkan harus kembali kepada sumber wahyu dan hikmah, manakala *Islāmiyyah* mengangkat kesedaran pensyarah sebagai duta ilmu Islam, yang bertanggungjawab memelihara kebenaran, keadilan dan integriti ilmu dalam konteks globalisasi pendidikan. Pendekatan ini adalah manifestasi tauhid yang mengintegrasikan kepercayaan, amal dan misi hidup sebagai khalifah dalam satu kesatuan rohani dan intelektual. Sebagaimana dinyatakan oleh Nur Shahidah et al. (2025), penerapan nilai keadilan dan kejujuran dalam penyusunan silibus dan pengajaran menjadikan pensyarah agen perubahan bukan hanya kepada kecemerlangan akademik pelajar, tetapi juga dalam pembentukan insan bertakwa dan berakhlak mulia. Justeru, pensyarah berperanan sebagai model insan khalifah rabbani yang bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi membentuk budaya akademik yang mendukung peradaban Islam berasaskan tauhid yang menyeluruh.

ii. INTEGRASI PEMIKIRAN SAHIIH DENGAN NILAI MENYELURUH DAN KESEIMBANGAN NILAI

Pemikiran pensyarah yang holistik dan menyeluruh (*syumūliyyah*) bukan sahaja melibatkan kefahaman ilmu secara akademik tetapi juga penghayatan iman dengan kesedaran bahawa setiap tugas dan tanggungjawab yang dipikul adalah amanah dan ibadah kepada Allah SWT

(Al-Attas, 1993). Di samping itu, iman yang kukuh memastikan segala aspek kerja termasuk pengajaran, penyelidikan, perundingan, pembangunan kurikulum, serta khidmat masyarakat dijalankan berlandaskan wahyu dan akal. Ini selari dengan prinsip Islam yang menekankan keseimbangan (*wasatiyyah*) dalam setiap bidang tugas (Deni Gustiawan et al., 2024). Pendekatan nilai yang seimbang mencerminkan sifat ihsan, di mana pensyarah berusaha melaksanakan tanggungjawab secara optimum dengan mengambil kira keperluan pelajar, tuntutan ilmu semasa, serta garis panduan syariah dalam semua aspek pengurusan akademik dan profesionalisme. Selain itu, Muthi'ah Lathifah et al.,(2024) turut menekankan nilai kemanusiaan (insan) menjadi fokus utama dalam pemikiran holistik apabila pensyarah bukan sahaja membangunkan intelek pelajar tetapi turut memelihara kesejahteraan mereka serta menyumbang secara positif kepada masyarakat. Tambahan pula, dalam melaksanakan tugas penyelidikan dan inovasi, pensyarah mengamalkan nilai kasih sayang dalam didikan, dan keadilan dalam metodologi serta interpretasi data bagi memastikan ilmu yang dihasilkan tidak disalahgunakan, malah memberi manfaat sejagat. Oleh itu, penghayatan profesionalisme yang berteraskan iman, Islam, dan ihsan secara harmonis membolehkan pensyarah menjalankan skop tugas mereka dengan cemerlang, menghasilkan ilmu berkualiti, beretika, berintegriti selari dengan pembangunan nilai peradaban Islam.

iii. INTEGRASI SAHSIAH MULIA DENGAN KETINGGIAN NILAI, IDENTITI ISLAM DAN MENYELURUH

Sahsiah mulia merupakan tiang seri dalam pembinaan profesionalisme pensyarah. Dalam konteks ini, sahsiah bukan hanya terbatas pada perilaku luaran, tetapi meliputi keutuhan akhlak zahir dan batin, sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW, yang menjadi *qudwah hasanah* (contoh terbaik) dalam seluruh aspek kehidupan. Akhlak Rasulullah SAW adalah pancaran dari tauhid yang hidup dan mendalam. Baginda bukan sahaja menyeru kepada keimanan, tetapi memperlihatkan kesempurnaan akhlak dalam tingkah laku dan jiwa, menjadikan diri baginda sebagai model insan yang menyatukan ilmu, hikmah dan budi. Pensyarah yang meneladani akhlak Rasulullah SAW akan menghayati nilai jujur, amanah, sabar, ihsan, dan adil dalam setiap aspek profesinya, tidak hanya sebagai satu keperluan profesional tetapi sebagai ibadah yang memperkukuh hubungan dengan Allah SWT dan manusia. Ini sejajar dengan dimensi *Ulūwīyyah* iaitu ketinggian martabat manusia yang tunduk kepada perintah Ilahi, menjadikan sahsiah sebagai refleksi tauhid dalam kehidupan harian (Astuti & Hasibuan, 2023). Selaras dengan identiti Islam (*Islāmiyyah*), sahsiah mulia membentuk karakter pensyarah yang bebas daripada budaya negatif seperti rasuah, plagiat, atau penyalahgunaan kuasa. Ia mendorong pensyarah untuk melaksanakan tugasnya dengan niat yang ikhlas dan orientasi ukhrawi, berasaskan kepada prinsip amanah ilmiah dan tanggungjawab sosial ummah (Nur Shahidah et al., 2025). Dalam aspek pentadbiran dan penilaian pula, amalan sahsiah yang luhur membentuk suasana akademik beretika dan kondusif, memperkukuh budaya ilmu yang berteraskan keadilan dan keberkatan, sebagaimana dibahaskan oleh Muslihah dan Noor Azizah (2023). Bahkan, pengamalan nilai ini turut menyemai jiwa pelajar dengan kefahaman bahawa ilmu bukan hanya alat untuk kejayaan duniawi, tetapi jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Pemikiran Seyyed Hossein Nasr (2003) menggariskan bahawa ilmu dalam Islam harus disatukan dengan akhlak dan nilai tauhid; maka sahsiah pensyarah mesti dilandasi oleh kesepaduan wahyu dan akal (*syumūliyyah*), sebagaimana Rasulullah SAW yang mentarbiah umat dengan hikmah, kesabaran dan kasih sayang, mendidik dengan sentuhan hati dan kesedaran rohani. Kesimpulannya, sahsiah pensyarah yang mencontohi akhlak Nabi Muhammad SAW secara zahir dan batin akan melahirkan persekitaran akademik yang bukan sahaja cemerlang secara intelek, tetapi juga unggul dari segi spiritual, moral dan sosial. Inilah asas penting dalam

melahirkan generasi pemimpin ilmunan rabbani yang mampu mengangkat kembali tamadun Islam dalam era kontemporari.

iv. INTEGRASI BUDAYA KERJA PROFESIONAL DENGAN NILAI KESEIMBANGAN, MENYELURUH DAN KETINGGIAN NILAI

Budaya kerja profesional dalam profesion pensyarah tidak seharusnya berlandaskan produktiviti semata-mata, tetapi mestilah berpaksikan nilai *wasatiyyah* iaitu prinsip keseimbangan yang merangkum tuntutan akademik, sosial, dan spiritual dalam satu sistem nilai bersepadu. Seorang pensyarah yang menghayati prinsip ini akan mengatur kehidupannya secara seimbang, menyusun waktu dengan cermat, mengelola tenaga secara bijaksana dan memastikan kesemua aspek pengajaran, penyelidikan, serta khidmat masyarakat dilaksanakan dalam kerangka tauhid yang aktif dan nilai ihsan yang berterusan sehingga menjadikan diri sejahtera dan mampu membawa kesejahteraan kepada ummah (Khairunesa et al., 2021). Dalam perspektif Islam sebagai ad-Din, tugas seorang pensyarah bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi merupakan bentuk ibadah yang menuntut niat yang ikhlas dan pelaksanaan yang beretika. Oleh itu, pengurusan masa yang berhemah, perancangan strategik serta dedikasi terhadap tanggungjawab sosial dan pembangunan komuniti adalah cerminan budaya kerja yang bukan hanya efisien tetapi juga bermakna dari sudut ruhani. Sebagaimana dinyatakan oleh Nasri Abdullah (2017), tanggungjawab akademik melangkaui bilik kuliah yang mencakupi penghasilan ilmu baharu melalui penyelidikan berkualiti serta penyertaan aktif dalam usaha memperkasa masyarakat melalui pemindahan ilmu, kemahiran, dan nilai. Dimensi *Ulūwwiyyah* dalam budaya kerja profesional menyerlah apabila pensyarah menetapkan matlamat bukan semata-mata pada hasil yang bersifat kuantitatif tetapi pada integriti proses, kejujuran akademik, dan komitmen terhadap kecemerlangan beretika. Pensyarah yang menjunjung nilai ini akan menjauhkan diri daripada amalan tidak sihat seperti plagiarisme, ketidaksungguhan dalam tugas, dan pembaziran sumber kerana setiap amanah akademik dilihat sebagai tanggungjawab ilahiyyah yang akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT (Seyyed Hossein Nasr, 2003). Selaras dengan nilai *syumūliyyah*, budaya kerja pensyarah meliputi keseluruhan aspek kehidupan di mana ilmu, amal, dan nilai moral digabungkan dalam satu sistem kesedaran yang mendalam terhadap tujuan hidup sebagai khalifah. Ini menjadikan profesion pensyarah sebagai satu medium strategik untuk menyemai kesejahteraan intelektual dan spiritual dalam kalangan pelajar, sekali gus menyumbang secara langsung kepada pembinaan masyarakat madani dan peradaban Islam yang lestari dan berkualiti tinggi. Hal ini selari dengan tujuan hidup manusia untuk mentadbir muka bumi bagi mengangkat peradaban selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan negara.

KESIMPULAN

Secara tuntas, artikel ini menegaskan bahawa pembentukan profesionalisme pensyarah yang bersifat holistik dan berteraskan nilai peradaban Islam adalah suatu keperluan asasi dan strategik dalam menghadapi realiti pendidikan tinggi masa kini yang semakin mencabar serta dipengaruhi arus materialisme, sekularisme dan tekanan globalisasi. Dalam kerangka ini, penghayatan nilai-nilai Islam seperti ketuhanan (*rabbāniyyah*), pemikiran sahih, sahsiah mulia, dan budaya kerja profesional, yang diperkukuh dengan prinsip keseimbangan (*wasatiyyah*), kesepaduan (*syumūliyyah*) serta kemuliaan nilai (*ulūwwiyyah*) perlu dijadikan teras kepada setiap fungsi akademik pensyarah. Profesionalisme pensyarah yang berteraskan panduan akhlak Rasulullah SAW bukan sahaja menjamin penyampaian ilmu yang amanah dan ikhlas, tetapi juga berperanan penting dalam membentuk pelajar sebagai insan seimbang dari aspek

intelektual, spiritual dan sahsiah. Hal ini sekaligus menjadikan pensyarah sebagai agen transformasi nilai dalam ekosistem pendidikan tinggi yang berorientasikan pembangunan insan. Dalam konteks pengaplikasian, pendekatan model FlexS yang mengintegrasikan dimensi ta'lim (pengajaran ilmu) dan tarbiyyah (pembentukan nilai dan akhlak) perlu dijadikan rujukan utama dalam membina sistem pendidikan tinggi yang berjiwa, lestari dan berorientasikan keredaan Allah SWT (UniSZA, 2017). Inisiatif ini bukan sekadar meningkatkan kualiti akademik dalam erti sempit tetapi turut membina asas kepada sebuah masyarakat berilmu, berakhlak dan berperadaban tinggi yang mampu menyumbang secara berterusan kepada kemajuan ummah dan negara, sejajar dengan aspirasi maqasid syariah dan cita-cita tamadun Islam kontemporari (Farooqui, 2011).

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT atas limpah rahmat-Nya yang sentiasa melimpahkan kekuatan dan keberkatan sehingga artikel berkaitan projek penyelidikan bertajuk "Penghayatan Profesionalisme Akademia Terhadap Pembentukan Sahsiah Holistik dalam Kalangan Staf Akademik Universiti Sultan Zainal Abidin" dapat disiapkan dengan jayanya. Projek ini telah mendapat sokongan daripada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di bawah skim Dana Penyelidikan Universiti 2.0 (UniSZA/2023/DPU-FKI 2.0/10). Penulis juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua individu dan institusi yang telah memberikan sumbangan sama ada secara langsung atau tidak langsung, ke arah kemajuan penyelidikan ini. Diharapkan hasil kajian ini dapat menyumbang kepada pengukuhan pembentukan identiti profesional pensyarah serta pembentukan sahsiah holistik dalam kalangan staf akademik sekaligus membolehkan pengurusan universiti merangka hala tuju strategik yang lebih efektif.

RUJUKAN

- Al-Attas, S. (1993). Islam and secularism (Kuala Lumpur, International Institute of Islamic Thought and Civilization). *International Islamic University Malaysia*.
- Astuti, D., & Hasibuan, N. (2023). Peran Nabi Muhammad sebagai Guru: Role Model dan Motivator. *AHDĀF: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 1(2), 123-132.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative research in psychology*, 3(2), 77-101.
- Deni Gustiawan & Shifa Azzahra (2024). How Islamic work ethics affect thriving at work and employee commitment. *SERAMBI: Jurnal Ekonomi Manajemen dan Bisnis Islam*, 6(2), 143-156.
- Darling Hammond, L., Hyler, M. E., & Gardner, M. (2017). Effective teacher professional development. *Learning policy institute*.
- Fariha Diyana, Khairul Firdaus, Norazlina Hanim, Norhayati & Wan Hazwani (2024). Beyond The Classroom: The Multifaceted Role of Malaysian Lecturers in Higher Education. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(4), 61-73.
- Farooqui, J. (2011). Civilization In An Islamic Perspective. *Journal of Islam in Asia (E-ISSN 2289-8077)*, 8, 409-426.
- Habibah Ramle (2017). Pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan 'Riadhah Ruhiyyah. *Universiti Malaya*.
- Jamsari Alias, Mohamad Mohsin & Syaidatun Nazirah (2024). Dapatan Awal Pelaksanaan Pedagogi Kreatif dalam Kursus CITRA Terpilih di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 49(1).
- Khairunesa, Wan Hanim Nadrah, Laily Paim, Khadijah, Jaliyah & Nor Aisah (2021). Kelaziman Punca Tekanan Pensyarah di Universiti Awam Malaysia. *e-BANGI Journal*, 18(2).
- Kamal Hassan (2010). A return to the Qur'ānic paradigm of development and integrated knowledge: The Ulū al-Albāb model. *Intellectual Discourse*, 18(2).
- Lundeto, A. (2023). Empowering Islamic religious teachers: Professional development and challenges. *International Journal of Science and Society*, 5(3), 430-449.
- Muthi'ah Lathifah & Yakobus Ndonga (2024). Peran Pendidikan Dalam Membangun Kemanusiaan Yang Beradab. *Lencana: Jurnal Inovasi Ilmu Pendidikan*.
- Murat Önde & Fatih Ulaşan (2018). Ibn Khaldun's cyclical theory on the rise and fall of sovereign powers: The case of Ottoman Empire. *Adam Academy Journal of Social Sciences*, 8(2), 231-266.
- Muslihah & Noor Azizah (2023).Keperluan Hisbah Dalam Amalan Etika Akademik Pensyarah Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)." *Jurnal'Ulwan* 8.3 (2023): 338-347.
- Mahmudul & Abdul Rashid (2023). *Journey to Islamicisation of Human Knowledge: A Festschrift in Honour of Mohd. Kamal Hassan*. IIUM PRESS.
- Nasri Abdullah (2017). Pengamalan Kompetensi dalam Kalangan Pensyarah Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru di Malaysia. *Fakulti Tamadun Islam, UTM*.
- Nur Shahidah, Mohamad Marzuqi & Mohd Syaubari (2025). Ciri dan personaliti signifikan Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pembentukan sahsiah pelajar. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 3(1), 1-14.
- Parveen, S., Mascarenhas, R., & Vaswani, V. (2021). Comparison of knowledge, attitude, and practice of authorship guidelines among medical and dental professionals. *Journal of Indian Orthodontic Society*, 55(1), 39-48.

- Suhendri & Rohendi (2024). Peradaban Peradaban Dalam Perspektif Islam: Sebuah Tinjauan Masa Lalu, Pijakan Masa Akan Datang. *Sharia: Jurnal Kajian Islam*, 1(1), 14-28.
- Seyyed Hossein Nasr (2003). *A young Muslim's guide to the modern world*. KAZI publication, Inc Chicago.
- Syed Ismail & Lee Leh Hong (2022). Budaya Penyelidikan Dan Penulisan Dalam Kalangan Pegawai Akademik di IPG.
- Samuel P. Huntington (1993). The Clash of Civilizations?. *Foreign Affairs*, Vol.72, No.3 (Summer, 1993), pp. 22-49.
- UniSZA (2017). *Flexible education with soul* (2nd ed.). Universiti Sultan Zainal Abidin.